



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA
JABATAN KEBUDAYAAN
DAN KESENIAN NEGARA

SIARAN MEDIA

www.jkkn.gov.my

UNTUK SIARAN SEGERA

Bil. 2 / 2024

IFTAR @ KL 2024

DIMERIAHKAN LAGI DENGAN MAKAN DI DALAM DULANG

KUALA LUMPUR, 23 Mac 2024 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) menganjurkan program Iftar @ KL selama enam (6) hari iaitu pada 23, 24, 30, 31 Mac dan 6, 7 April 2024 bertempat di Jalan Raja, Dataran Merdeka Kuala Lumpur. Selain JKKN, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Kuala Lumpur Food Truck (KLFTEA) turut terlibat dalam melaksanakan program ini pada minggu seterusnya. Program hari ini dihadiri oleh YB Tuan Khairul Firdaus Akhbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya.

Iftar @ KL yang dianjurkan oleh JKKN merupakan anjuran bersama dengan rakan-rakan strategik iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Persatuan Seni Budaya Putra. Selain itu, antara rakan penganjur Iftar @ KL pada tahun ini adalah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Pusat Pungutan Zakat (PPZ), *Kuala Lumpur Food Truck Entrepreneurs Association*, *Islamic Tourism Centre* (ITC), Masjid Jamek Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur, Jabatan Penerangan Malaysia,

Jabatan Warisan Negara, Jabatan Kesihatan Kuala Lumpur, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian dalam Negeri, Jabatan Wilayah Persekutuan dan Jabatan Perangkaan Malaysia. (ikut alphabetically order)

Objektif utama program ini ialah mengimarahkan dan memakmurkan Ramadan sebagai bulan ibadah dan keprihatinan sesama insan melalui pengisian aktiviti, merapatkan dan mengeratkan silaturrahim serta toleransi antara kaum menerusi program dan aktiviti bagi menyemarakkan kebudayaan dan kesenian Islam kepada pelancong tempatan dan antarabangsa menerusi Program Pelancongan Budaya (*Culture Tourism*). Program ini juga dapat menyemai nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat melalui aktiviti bergotong royong dan sukarelawan budaya yang terdiri daripada pelajar Institusi Pengajian Tinggi, badan bukan kerajaan dan orang perseorangan.

Iftar @ KL tahun ini merupakan penganjuran kali ke -12 oleh JKKN sejak pelaksanaannya bermula tahun 2012. Unikunya Iftar @ KL kali ini ialah pengunjung berpeluang berbuka puasa berkonsepkan makan berjemaah di dalam dulang / talam. Ia bertujuan mengembalikan nostalgia budaya makan di dalam dulang yang mana budaya ini kian dilupakan selain bertujuan untuk menghidupkan sunnah Rasulullah SAW. Terdapat juga Program Jom *Exchange* Al-Quran yang merupakan program kerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri iaitu pemulangan Al-Quran yang tidak mendapat kelulusan dari pihak KDN dan digantikan dengan Al-Quran yang telah diluluskan oleh KDN. Selain itu juga, JKKN dengan kerjasama Dewan Bahasa & Pustaka (DBP) mengadakan malam 'Suara Dari Gaza'

iaitu persembahan deklamasi puisi dan persembahan nasyid sebagai manifestasi solidariti masyarakat malaysia kepada umat islam di Palestin.

Selain itu juga, Iftar @ KL 2024 dimeriahkan lagi dengan pelbagai pengisian menarik seperti Penyediaan dan Pengagihan Bubur Lambuk, Solat Berjemaah, Tadarus Al-Quran, Tazkirah Ramadan, Bicara Ramadan, Sukarelawan Skuad Budaya, Kaunter Zakat Fitrah dan Jualan Makanan *Food Truck*.

Pada tahun ini, Iftar @ KL telah mendapat sokongan dari syarikat korporat iaitu Radio Suria FM dan penajaan dari syarikat-syarikat terkenal iaitu Syarikat Minuman F&N dan Vida, ADABI, Pertubuhan KitaFund, dan SW Corp.

“Iftar @ KL yang dilaksanakan oleh JKKN ini merupakan salah satu pendekatan yang positif dalam memupuk nilai-nilai murni dan jati diri kepada masyarakat bandar dan khususnya generasi muda seperti contoh melalui aktiviti gotong-royong memasak bubur lambuk, program sukarelawan dan agihan bubur lambuk kepada golongan asnaf dan gelandangan. Penganjuran program sebegini juga merupakan tanggungjawab sosial Kementerian ini ke arah mencerminkan kerajaan Madani demi kesejahteraan rakyat Malaysia,” jelas YB Tuan Khairul Firdaus Akhbar Khan.

Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut mengenai program ini, orang ramai boleh melayari media sosial JKKN iaitu myesenibudaya dengan pautan www.facebook.com/myesenibudaya.

-TAMAT-

Dikeluarkan Oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

Tel : 03-2614 8200 Faks : 03-2697 0786

Website: www.jkkn.gov.my **Email:** ukk@jkkn.gov.my

Platform Media Sosial Rasmi JKKN:

Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan @mysenibudaya

Instagram, Twitter & You Tube : @mysenibudaya

Untuk Pertanyaan, Sila Hubungi

Mazidah Binti Mustapha Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN mazidah@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200	Nik Mohd Fadly Bin Nik Mat Penolong Pengarah Kanan Unit Komunikasi Korporat, JKKN nikfadly@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 013-382 2115
---	---